

GARIS PANDUAN RAWATAN DAN PEMULIHAN DALAM KOMUNITI (TAMBAHAN)

PELAKSANAAN PROGRAM ORIENTASI ORANG KENA PENGAWASAN (OKP) DALAM TEMPOH PENULARAN WABAK COVID-19

TARIKH KELUARAN : 29 APRIL 2020

1. TUJUAN

- 1.1 Garis Panduan ini bertujuan untuk menjelaskan skop, prosedur pelaksanaan dan tatacara Pelaksanaan Program Orientasi untuk Orang Kena Pengawasan (OKP) yang disyaki terdedah kepada wabak Covid -19.
- 1.2 Pelaksanaan peraturan tambahan ini adalah bertujuan untuk mencegah penularan wabak Covid-19 dalam kalangan Pegawai dan kakitangan, OKP serta *significant others* (SO).

2. TERMINOLOGI

2.1 Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)

Merujuk kepada tindakan pembatasan pergerakan bagi tujuan pencegahan oleh Kerajaan Malaysia dalam menangani penularan wabak *coronavirus* (Covid-19) bermula 16 Mac 2020 sehingga tempoh yang dimaklumkan kemudian.

2.2 COVID-19

Dikenali juga sebagai Penyakit Coronavirus 2019-2020 yang merupakan penularan wabak secara global dan boleh mengakibatkan sindrom pernafasan akut teruk.

2.3 Penjarakan Sosial

Merupakan pembatasan sosial (*social distancing*) yang menjarakkan diri secara fizikal dengan individu lain bagi tujuan mengekang penularan jangkitan Covid-19.

2.4 Disinfeksi

Bermaksud pembasmian kuman, virus atau bakteria menggunakan kaedah yang telah ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) bagi tujuan mengelakkan penularan jangkitan.

2.5 Topeng Muka (*Face Mask*)

Alat yang digunakan untuk menutup bahagian pernafasan manusia (*nasal*) bagi tujuan menapis virus Covid-19 yang boleh tersebar melalui pengudaraan.

2.6 *Hand Sanitizer*

Hand Sanitizer adalah sejenis cecair, gel, buih yang secara amnya digunakan untuk mengurangkan kuman pada tangan. Terdapat dua jenis *hand sanitizer* iaitu:-

- i) Berasaskan alkohol (*alcohol-based*); dan
- ii) Bukan berasaskan alkohol (*non alcohol-based*). Merupakan pembersih tangan berbentuk cecair yang memiliki kemampuan untuk membunuh bakteria dan virus.

2.7 Sarung Tangan Getah

Alat perlindungan bagi mengelakkan bahagian tangan terdedah dengan kuman dan virus semasa melaksanakan tugas.

3. PROSEDUR PELAKSANAAN

3.1 Sebelum Pelaksanaan

3.1.1 Semua Pegawai Agensi yang terlibat dengan Pengendalian Program Orientasi perlu mengambil tindakan seperti berikut:-

- i. Mewujudkan pegawai tetap untuk pelaksanaan Program Orientasi OKP bagi mengurangkan risiko penularan jangkitan dalam kalangan kakitangan AADK.
- ii. Membuat pemeriksaan dan saringan kesihatan dengan memeriksa suhu badan, simptom-simptom penyakit Covid-19, sejarah perjalanan dan kontak rapat pegawai sebelum mengeluarkan arahan bertugas.
- iii. Memastikan penjarakan sosial dalam kalangan pegawai AADK.
- iv. Memastikan semua pegawai mencuci tangan menggunakan sabun atau cecair pembasmi kuman (*hand sanitizer*) sebelum memulakan tugas.
- v. Memastikan semua Pegawai AADK berpakaian baju lengan panjang dan memakai topeng muka (*face mask*) sebelum pelaksanaan Program Orientasi.

3.2 Semasa Program Orientasi

Semua OKP yang terlibat dalam Program Orientasi OKP perlu mengambil tindakan seperti berikut:-

- i. Membuat pemeriksaan dan saringan kesihatan dengan memeriksa suhu badan, simptom-simptom penyakit Covid-19, sejarah perjalanan dan kontak rapat OKP sebelum program dijalankan (Borang Saringan Untuk Penyakit Covid-19 seperti di Lampiran 2).

- ii. Sekiranya OKP mempunyai simptom penyakit Covid-19, Pegawai Agensi hendaklah merujuk OKP tersebut kepada *Crisis Preparedness and Response Centre (CPRC)* Kebangsaan KKM untuk maklumat dan tindakan lanjut.
- iii. Memastikan OKP memakai topeng muka, mencuci tangan menggunakan sabun atau cecair pembasmi kuman (*hand sanitizer*) sebelum program.
- iv. Memastikan program berjalan dengan mengamalkan penjarakan sosial.

3.3 Selepas Program Orientasi

Pegawai Agensi yang terlibat dengan Program Orientasi OKP perlu mengambil tindakan seperti berikut:-

- i. Memastikan semua kelengkapan pakai buang topeng muka dan lain-lain peralatan *Personal Protection Equipments (PPE)* yang dibekalkan, dilupuskan dengan cara yang teratur dan selamat setelah selesai digunakan.
- ii. Semua Pegawai Agensi yang terlibat perlu membasuh tangan menggunakan sabun atau cecair pembasmi kuman (*hand sanitizer*) sebaik sahaja tamat program.
- iii. Sentiasa mengamalkan penjarakan sosial selepas program.
- iv. Semua prosedur pelaksanaan Program Orientasi hendaklah merujuk carta alir seperti di Lampiran 1.

4. KAEDAH PELAKSANAAN

4.1 Program Orientasi boleh dilaksanakan dalam dua (2) kaedah seperti berikut:-

4.1.1 Pejabat AADK Daerah; atau

4.1.2 Secara *Mobile Office* (Perkhidmatan AADK Bergerak).

5. BAHAN RUJUKAN

5.1 Akta Pengawalan dan Pencegahan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342)

5.2 Akta Agensi Antidadah Kebangsaan 2004.

5.3 Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983.

5.4 Perintah Tetap Ketua Pengarah Agensi Antidadah Kebangsaan. Bahagian C: Rawatan dan Pemulihan Dalam Komuniti.

5.5 *Partnership Term of Reference* (Pengurusan OKP) 2017.

5.6 *Covid-19: Management Guidelines for special settings (Annex 27)* KKM.

5.7 *Covid-19: Management Guidelines for Workplace (Annex 25)* KKM.

5.8 *International Health Regulation (IHR) 2005.*

5.9 Penjagaan Kesihatan Dalam Tahanan ; Panduan Praktikal – ICRC.

5.10 Air, Sanitasi , Kebersihan dan Persekitaran Dalam Penjara – ICRC

6. ARAHAN KUATKUASA

Semua Program Orientasi dalam tempoh penularan wabak Covid-19 dalam kalangan Orang Kena Pengawasan yang di bawah pengawasan oleh AADK hendaklah mengikut garis panduan yang telah disediakan ini berkuatkuasa 16 Mac 2020.

7. PENUTUP

Garis panduan ini merupakan rujukan dan panduan kepada pegawai-pegawai Agensi semua peringkat pelaksana bagi memastikan urus tadbir sesuatu arahan Program Orientasi Orang Kena Pengawasan (OKP) mengikut ketetapan yang telah digariskan berdasarkan Akta dan Peraturan yang berkuatkuasa.



.....
(DATO' SRI ZULKIFLI BIN ABDULLAH) CP


**Ketua Pengarah
Agensi Antidadah Kebangsaan
Kementerian Dalam Negeri**

29/4/20

Tarikh :

LAMPIRAN 1

**CARTA ALIR PELAKSANAAN PROGRAM ORIENTASI OKP
SEMASA PENULARAN WABAK COVID-19**



1. KEHADIRAN OKP

2. PEMERIKSAAN DOKUMEN
Senarai Semak (dilampirkan) Prosedur Asal sedia ada.

3. Pelaksanaan Saringan Kesihatan bagi mengenalpasti simptom COVID-19 seperti:
a) Memeriksa Suhu Badan
b) Mengenalpasti sejarah penyakit
c) Mengesahkan tahap kesihatan semasa dan rekod perjalanan

4. Temuduga (Borang)
Penggunaan Borang yang digunakan oleh KKM

LAMPIRAN 2



BORANG SARINGAN OKP UNTUK PENYAKIT COVID-19

(Pihak AADK boleh membuat modifikasi yang bersesuaian, mengikut keperluan setempat)

Nama :
No Kad Pengenalan :
No Telefon :

RISIKO DALAM MASA 14 HARI (TANDAKAN /)		YA	TIDAK
1	Adakah anda baru balik dari melawat luar negara dalam masa 14 hari Jika YA, Nyatakan Negara yang dilawati :		
2	Adakah anda ada menyertai Ijtimak Tabligh @ mana-mana perhimpunan dalam masa 14 hari?		
3	Adakah anda ada KONTAK RAPAT dengan individu yang DISAHKAN Positif COVID-19?		
	a. Adakah keluarga serumah atau ahli tabligh dari kumpulan kecil, disahkan positif COVID-19?		
	b. Berada bersama di dalam bilik TERTUTUP yang menggunakan penghawa dingin lebih daripada 2 jam		
	c. Bekerja / bersemuka dalam RUANG TERTUTUP yang sama, dalam jarak kurang dari 1 METER melebihi 15 MINIT		
	d. Menaiki kenderaan yang sama (melebihi 2 jam) dalam jarak 2 kerusi (2 meter) dari individu positif COVID-19		

TANDA-TANDA	YA	TIDAK
Demam		
Batuk		
Sakit Tekak		
Selsema		
Sesak Nafas		
Lain-lain:		
Suhu Badan		

**HENTIKAN COVID-19 !
KEJUJURAN ANDA BOLEH
MENYELAMATKAN RAMAI NYAWA
TERMASUK ANGGOTA AADK**

Tandatangan OKP

Tandatangan Pegawai AADK

Nama :
No Kad Pengenalan :

Nama :
No Kad Pengenalan :



**DAPATKAN MAKLUMAT COVID-19
YANG SAHIF DARIPADA**



**Crisis Preparedness and Response Centre
(CPRC) Kebangsaan KKM**

Talian Hotline CPRC kini dibuka 24 JAM
03 8881 0200 / 03 8881 0600 / 03 8881 0700

ATAU whatsapp
010-9699435 / 010-8608949

Emel: cprc@moh.gov.my

Scan untuk dapatkan bahan pendidikan kesihatan berkaitan
COVID-19

